

MAHATHIR - JEPUN ❧ ❧ ❧
OLEH REJAL ARBEE
(I)

1948

TOKYO, 15 OKT. (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK BERNIAT MENGENEPIKAN DASAR PANDANG KE TIMURNYA SUNGGUHPUN PERDANAMENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBUAT KECAMAN KERAS TERHADAP JEPUN DAN CARA HUBUNGAN ITU DILAKSANAKAN.

+ KITA AKAN MENERUSKAN DASAR ITU KERANA IA BERFAEDAH,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM SATU WAWANCARA DENGAN BERNAMA SELEPAS MENGADAKAN RUNDINGAN TIDAK RASMI DENGAN PERDANA MENTERI JEPUN, ENCIK YASUHIRO NAKASONE DI KEDIAMAN RASMINYA DI SINI TANGAH HARI TADI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MEMBINCANGKAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DENGAN ENCIK NAKASONE YANG BERJANJI UNTUK MELAKUKAN APA SAHAJA YANG MUNGKIN UNTUK MEMBETULKAN KETAKSEIMBANGAN DALAM HUBUNGAN TERSEBUT.

PERTEMUAN TERSEBUT MERUPAKAN YANG PERTAMA SELEPAS DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIDAS JEPUN DENGAN KERAS KETIKA MERASMIKAN KOLLOKUIUM MALAYSIA-JEPUN DI MALAYSIA OGOS LALU.

KALANGAN JEPUN MELAHIRKAN RASA BIMBANG SELEPAS KECAMAN ITU DIBUAT TERUTAMA SEKALITENTANG HUBUNGAN YANG DISIFATKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SEOLAH-OLAH MENGESAHKANNYA SEBAGAI SATU BENTUK +PENJAJAHAN EKONOMI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SAHAWA ENCIK NAKASONE JUGA BIMBANG TENTANG HUBUNGAN ITU DAN + SAYA MENJELASKAN KEPADANYA SUPAYA JANGAN TERLALU MEMIKIRKAN TENTANG UCAPAN ITU.

+ IA DIBUAT DALAM SUASANA AKADEMIK DAN ANDA BERKATA APA YANG PATUT DIUCAPKAN.

+ TERDAPAT PERBEZAAN DALAM PERSPEKTIF ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN YANG PERLU DIPERBETULKAN DAN SAYA MAHU MEMASTIKAN SEMUA PIHAK SEDAR MENGENAINYA.+

+ SAYA TAHU RAMAI ORANG JEPUN YANG BIMBANG MENGENAI UCAPAN ITU. ITU TABIAT SEMULA JADI MEREKA.

+ TETAPI DI MALAYSIA RAMAI ORANG YANG MENGGUNAKAN UCAPAN ITU DENGAN HARAPAN DASAR ITU DIBATALKAN.

+ KERAJAAN TIDAK BERNIAT SAMA SEKALI UNTUK MEMBATALKAN DASAR ITU. KITA AKAN MENERUSKANNYA KERANA IANYA BERFAEDAH.

+ MEREKA YANG MENGGUNAKANNYA SEBAGAI BAHAN UNTUK MEMPERKECILKAN DASAR ITU TIDAK AKAN BERJAYA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ENCIK NAKASONE BERSETUJU BAHAWA APA SAHAJA YANG MUNGKIN AKAN DILAKUKAN UNTUK MEMPERBETULKAN KETAKSEIMBANGAN DALAM HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMBINCANGKAN DENGAN ENCIK NAKASONE TENTANG CARA-CARA UNTUK MEMPERBETULKAN KETAKSEIMBANGAN TERMASUK DEFISIT PERDAGANGAN TERHADAP MALAYSIA DAN MEMBUKAKAN PASARAN JEPUN KEPADA BARANGAN SIAP MALAYSIA.

† BELIAU TELAH MENCATATKAN PERKARA ITU DAN SAYA PERCAYA TINDAKAN AKAN DIAMBIL .+

BEBERAPA CONTOH BOLEH DIBERI UMPAMANYA MEMBUATKAN BARANG-BARANG TERTENTU DI MALAYSIA UNTUK DIEKSPORTKAN SEMULA KE JEPUN DAN LANGKAH-LANGKAH LAIN YANG BELIAU ENGGAN NYATAKAN.

+ SAYA TIDAK PERLU MENYEBUTKANNYA SEKARANG KERANA SAYA INGIN MELIHAT IANYA MENJADI SATU KENYATAAN DARIPADA MENYUARAKAN HARAPAN DAN KEMUDIAN BERKATA INI TELAH DILAKUKAN DAN INI TIDAK DILAKUKAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERADA DI SINI SEJAK SABTU LALU, KERANA LAWATAN PERIBADI AKAN PULANG KE TANAH AIR ESOK.

BELIAU BERADA DI LUAR NEGERI SEJAK AKHIR SEPTEMBER KERANA MENGADAKAN LAWATAN RASMI KE ITALI DAN KEMUDIAN BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU. -- BERNAMA